

SOALAN NO: 112

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATO' NORAINI BINTI AHMAD

SOALAN:

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan:-**

- (a) jumlah syarikat yang didapati tidak mematuhi gaji minimum yang telah ditetapkan; dan
- (b) jenis hukuman yang dikenakan kepada pengusaha syarikat tersebut.

PR-1331-T69426

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, setakat 31 Mac 2015, pihak Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah melaksanakan sebanyak 49,297 pemeriksaan berkanun dan daripada jumlah tersebut didapati 715 (1%) majikan tidak mematuhi Perintah Gaji Minimum 2012 dan tindakan notis pematuhan telah dikeluarkan.

2. Selain daripada itu, pihak JTK turut mengambil tindakan pendakwaan terhadap majikan kerana kegagalan membayar gaji minimum. Setakat 31 Mac 2015, sebanyak 138 kes telah diberikan izin untuk pendakwaan oleh Timbalan Pendakwa Raya (PUU) dan daripada jumlah tersebut sebanyak 64 kes pendakwaan telah disabitkan di mahkamah dengan jumlah denda yang telah dikenakan adalah sebanyak RM219,600.00.

3. Majikan tidak patuh atau engkar terhadap dasar gaji minimum, mereka boleh diambil tindakan seperti mana yang diperuntukkan oleh Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) dan hukuman yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- (i) Penalti bagi kesalahan pertama: denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap pekerja;
- (ii) Penalti Am: denda tidak lebih RM10,000 bagi setiap kesalahan di mana penalti khusus tidak dinyatakan;
- (iii) Penalti bagi kesalahan berterusan: denda tidak lebih RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan; dan
- (iv) Penalti bagi kesalahan berulang: denda tidak lebih RM20,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun.